



## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN DARUL NAIM**

### **PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2013**

#### **PELAKSANAAN DASAR BARU KEMUDAHAN-KEMUDAHAN CUTI KEMATIAN SUAMI SELAMA 30 HARI**

##### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan Dasar Baru Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim berhubung dengan kemudahan-kemudahan Cuti Kematian Suami selama 30 Hari.

##### **PELAKSANAAN**

2. Selaras dengan hasrat Kerajaan Prihatin dan mengutamakan keluarga, Kerajaan Negeri Kelantan akan melaksanakan Dasar Baru tentang Kemudahan-kemudahan Cuti Kematian Suami selama 30 hari yang mana pelaksanaannya adalah seperti berikut:-

##### **2.1 Kemudahan Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari**

- 2.1.1 Semua anggota Perkhidmatan Awam boleh diberi kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama tiga (3) hari atas kematian ahli keluarga terdekat sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Persekutuan Bilangan 10 Tahun 2002 – Kemudahan Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat.

- 2.1.2 Di bawah Dasar Baru, kemudahan ini dipanjangkan sehingga selama 30 hari kepada **pegawai/guru wanita yang kematian suami**, di mana tambahan cuti selama 27 hari tersebut adalah diberi secara **opsyen**. Tambahan selama 27 hari yang dimaksudkan di sini adalah Cuti Tanpa Gaji dan tertakluk di bawah Perintah Am Bab C 14 (a) dan (b).
- 2.1.3 Cuti ini adalah suatu **keistimewaan khas** yang diberi berdasarkan **permohonan (opsyen)** dan bukan secara automatik. Kemudahan cuti ini juga diberi hanya sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan.
- 2.1.4 Pelaksanaan cuti ini adalah mengikut budi bicara Kerajaan Negeri sepenuhnya dan terbuka kepada semua kakitangan wanita yang dilantik secara **tetap atau kontrak**. Hanya kakitangan wanita yang berkahwin secara sah mengikut undang-undang negeri ini sahaja yang layak memohon.
- 2.1.5 Cuti ini tidak terpakai kepada kematian suami yang dikaitkan dengan unsur-unsur jenayah oleh pihak isteri yang menjadi kes polis.
- 2.1.6 Cuti ini hanya diberikan kepada kakitangan wanita yang ingin mematuhi kehendak **beriddah** mengikut hukum syarak, bukan mengambil kesempatan untuk bercuti atau melancong.
- 2.1.7 Kakitangan boleh memilih dan diberi opsyen untuk memohon **Cuti Kematian Suami** secara penuh selama 27 hari dan baki cuti ini yang tidak dipohon, tidak boleh di bawa ke hadapan.

2.1.8 Cuti Kematian Suami ini hendaklah direkodkan dalam buku rekod perkhidmatan sebagai **Cuti Tanpa Gaji** dan tidak layak dikira sebagai perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi faedah persaraan.

2.1.9 Pentadbiran Kerajaan Negeri bersetuju membayar **Insentif Khas Kematian Suami** (Bersamaan kadar sebanyak 27 hari gaji (Emolumen)) pada hari-hari dalam tempoh opsyen tambahan 27 hari tersebut.

## **OPSYEN**

3 Bagi pegawai-pegawai yang memilih untuk menerima kemudahan Cuti ini hendaklah melengkapkan Borang Opsyen seperti **Lampiran A**.

4 Opsyen ini hanya sah setelah pegawai menandatangani Borang Opsyen tersebut dan **mendapat kelulusan** Ketua Jabatan masing-masing. Setiap keputusan permohonan opsyen bagi cuti ini adalah **muktamad**.

5 Cuti ini hendaklah direkodkan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan sebagai Cuti Tanpa Gaji dan tidak layak dikira sebagai perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi faedah persaraan. Walaubagaimanapun, Pentadbiran Kerajaan Negeri akan memberi bayaran Insentif Khas Kematian Suami (Bersamaan kadar sebanyak 27 hari gaji (Emolumen)) pada hari-hari di dalam tempoh opsyen tambahan cuti tersebut, sebagai ganti kepada kerugian yang akan diterima pegawai semasa persaraan kelak.

## **TARIKH BERKUAT KUASA**

6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta mulai **1hb. November 2013**.

## **PEMAKAIAN**

7. Semua Ketua Jabatan Negeri hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada Pekeliling ini.

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya adalah dipanjangkan kepada semua Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri.

**“ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI”**

**(DATO' DR. HAJI ZAINUDDIN BIN IBRAHIM)**

**SETIAUSAHA KERAJAAN**

**NEGERI KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim  
**15503 KOTA BHARU.**

Bertarikh :        Muharram 1435H Bersamaan  
                         November 2013

[SUK.D.200(01) 600/9/Jld.10(32)]

Kepada:        Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan:        1)        Ketua Pengurusan  
                         Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

                         2)        Ketua Pengurusan  
                         Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

                         3)        Semua Ketua Unit/Bahagian  
                         Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**BORANG PERMOHONAN CUTI KEMATIAN SUAMI SELAMA 30 HARI**

**(PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI KELANTAN BIL. 5/2013)**

**OPSYEN KEMUDAHAN CUTI KEMATIAN SUAMI SELAMA 30 HARI**

**Kepada :      Yang Berhormat**  
**Setiausaha Kerajaan,**  
**Kelantan**

Adalah dimaklumkan bahawa suami saya telah meninggal dunia pada.....maka dengan ini saya membuat pilihan untuk menerima Opsyen Kemudahan Cuti Kematian Suami selama 30 hari.

- i.    Bersetuju mengambil tambahan selama 27 hari Cuti kerana kematian suami dan direkodkan sebagai Cuti Tanpa Gaji mengikut Perintah Am Bab C 14(a) dan (b);
- ii.   Dan 3 hari cuti tanpa rekod sebagaimana diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Persekutuan Bil. 10 Tahun 2002;
- iii.   Bersetuju untuk menerima bayaran Insentif Khas Kematian Suami (Bersamaan kadar sebanyak 27 hari gaji (Emolumen)) pada hari-hari di dalam opsyen tambahan 27 hari tersebut.

2      Saya sesungguhnya mengaku memahami bahawa Cuti Tambahan 27 hari yang diambil itu akan memberi implikasi terhadap perkiraan pencen dan ganjaran saya dan saya sesungguhnya mengetahui opsyen yang telah saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan pemohon.....

Nama.....

Jawatan.....

Jabatan.....

**\*Disokong/ Tidak disokong:**

**\*Potong mana yang tidak berkenaan**

.....  
(Ketua Jabatan)